



AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Accountant General's Department Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1002
Faks : 603-8889 5821
Laman Web : www.anm.gov.my
E-mel : akauntan.negara@anm.gov.my

Ruj Kami : JANM.BPOPA.600-3/2/1 JLD.4 (2)
Tarikh : 31 Disember 2021

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2022

Dimaklumkan bahawa Waran Am Bil. 1 Tahun 2022 bagi Perbelanjaan Pembangunan telah diluluskan mengikut Seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] berjumlah **RM 77,600,000,000.00**.

2. Kementerian/ Jabatan boleh melakukan perbelanjaan masing-masing seperti anggaran yang telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2022 tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A (M)
Akauntan Negara Malaysia

Agihan kepada :

Ketua Audit Negara
Semua Pegawai Pengawal



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web: www.mof.gov.my

MOF.NBO.600-10/1/222(2)

24 Disember 2021

YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk Dr.,

**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2022**

Adalah dimaklumkan bahawa Waran Am Bil. 1 Tahun 2022 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2022 yang berjumlah sebanyak **RM77,600,000,000** telah ditandatangani oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan pada 23 Disember 2021.

2. Sehubungan dengan itu, dikemukakan Waran Am Bil. 1 Tahun 2022 untuk tindakan pihak YBhg. Datuk Dr. selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)
Pengarah Belanjawan Negara
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k: Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
Aras 4, Blok 2G1A
No. 1 Persiaran Perdana
62594 PUTRAJAYA



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
(Minister of Finance Malaysia)

**AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 1966 [AKTA 406]
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2022**

MOF.NBO.600-10/1/222

Akauntan Negara Malaysia,
Putrajaya

Mengikut seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], dengan ini saya memberi kuasa dan menghendaki tuan mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Pembangunan di dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi perkhidmatan tahun 2022, sebanyak tidak lebih daripada **tujuh puluh tujuh bilion enam ratus juta ringgit (RM77,600,000,000)** dan mengira pengeluaran wang tersebut di bawah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) perbelanjaan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan memasukkan kira-kira ini ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan.

ADALAH DISYARATKAN bahawa jumlah wang yang dikeluarkan bagi mana-mana Maksud atau Butiran (Projek) di bawah kuasa Waran ini tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi Maksud atau Butiran (Projek) itu mengikut ruangan "Anggaran Tahun 2022 – 'Cara Langsung' dan 'Pinjaman'" dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2022.

DAN JUGA DISYARATKAN bahawa wang tidak boleh dikeluarkan bagi mana-mana Butiran (Projek) di bawah ruangan "Pinjaman" melainkan kelulusan Perbendaharaan telah diperolehi terlebih dahulu untuk mengeluarkan peruntukan itu.

DAN LAGI DISYARATKAN bahawa jumlah-jumlah yang dikeluarkan bagi satu-satu Maksud atau Butiran (Projek) pada bila-bila masa hendaklah jangan melebihi jumlah anggaran harga bagi menyiapkan rancangan itu seperti yang tercatat di bawah ruangan "Jumlah Anggaran Harga Projek" Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2022.

Dan dengan yang demikian, surat kuasa ini berserta dengan kira-kira dan pengesahan-pengesahan yang betul adalah menjadi kuasa penuh bagi tuan.

Saya turunkan tandatangan pada

23 DEC 2021

SENATOR TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

Perbendaharaan Malaysia,
Putrajaya